



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

## SIARAN MEDIA

### GRADUAN POLITEKNIK PALING LARIS DI PASARAN

**NILAI, 21 Ogos 2023** – “Graduan politeknik adalah yang terlaris di pasaran pekerjaan, saya yakin dan percaya mahasiswa yang ada di hadapan saya ini akan berjaya menamatkan pengajian di Politeknik Nilai (PNS), insya-Allah”.

Demikian ucapan yang disampaikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, YBrs. Dr. Haji Mohd Zahari bin Ismail ketika hadir ke PNS untuk meninjau proses pendaftaran pelajar baharu bagi sesi kali ini.

“Belajarlah bersungguh-sungguh, skor dan dapat 3.0 dan ke atas bagi Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) seterusnya dapat sambung belajar ke mana-mana Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN).

“Kebiasaannya, 40 peratus pelajar kita akan menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan 60 peratus lagi akan turun ke dunia pekerjaan,” tambahnya lagi.

Beliau turut berkata Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) akan memperluas kerjasama bukan sahaja bersama MTUN, tetapi juga universiti lain yang telah bersedia menerima pelajar dan graduan POLYCC.

PNS telah menerima seramai 548 orang pelajar untuk Sesi I 2023/2024 bagi mengikuti pengajian di peringkat diploma.

Hadir sama pada sesi ini ialah Pengarah Kanan (Kompetensi), JPPKK, YBrs. Ts. Zainab Othman, Pengarah Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar, JPPKK, YBrs. Tuan Haji Azirin bin Abdul Aziz serta Pengarah PNS, YBrs. Tuan Haji Wan Zulkifly bin Wan Zakaria.

- TAMAT -

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**21 OGOS 2023**

*Dikeluarkan oleh:*

*Unit Komunikasi dan Hubungan Korporat*

*Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti*

*Telefon: 03-8888 2515/2870*

*E-mel: [ukk.jppkk@mohe.gov.my](mailto:ukk.jppkk@mohe.gov.my)*